

Muhyiddin: Putrajaya tidak abai agenda kepentingan Bumiputera
The Malaysian Insider
22 Ogos 2011
Oleh Boo Su-Lyn

SHAH ALAM, 20 Ogos – Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin memberi kaum Melayu jaminan bahawa kerajaan persekutuan masih mengutamakan kepentingan Bumiputera dalam pembangunan ekonomi negara.

Beberapa kumpulan perniagaan dan badan pembela Melayu seperti Perkasa mempersoalkan komitmen pentadbiran Najib ke atas usaha mengembangkan bahagian ekonomi Bumiputera, yang menurut perangkaan kerajaan masih belum mencapai 30 peratus.

“Saya ada menerima pandangan bahawa kepimpinan semasa tidak lagi mengutamakan kepentingan Bumiputera, bahawa kita telah mengetepikan agenda yang penting ini,” kata Muhyiddin (gambar) ketika berucap menutup Konvensyen Memperkasa Model Baru Ekonomi: Satu Jihad Ekonomi Bumiputera.

Ia dianjurkan bersama oleh Gagasan Badan Ekonomi Melayu (Gabem) dan Universiti Teknologi Mara.

“(Tetapi) realiti ialah agenda Bumiputera masih agenda utama kerajaan,” kata beliau yang menerima tepukan gemuruh daripada hadirin.

Timbalan Presiden Umno ini menekankan bahawa meskipun kerajaan tidak berulang kali menyebut tentang peripentingnya kepentingan Bumiputera dalam pembangunan ekonomi negara, “agenda utama adalah mempertahankan kesemua kaum dan dalam agenda itu, hakikatnya ialah kaum Melayu dan Bumiputera tidak harus diabaikan,” kata beliau lagi.

Muhyiddin berkata beliau sendiri tidak akan rela dan sanggup melihat Melayu dibiarkan sebegitu rupa dan tidak ada satu usaha dibuat untuk membantu dan memperjuang nasib mereka.

Beliau berkata kononnya kini terdapat satu kelompok masyarakat Melayu yang hendak mengasingkan diri daripada Barisan Nasional (BN) kerana “seolah-olah kita sudah tidak lagi memperjuangkan hak dan kepentingan mereka.”

Malah katanya, ada juga persepsi mengatakan sistem pengurusan kontrak dan perolehan seolah-olah tidak diberikan keutamaan lagi kepada Bumiputera.

“Dan, nilai-nilai kontrak yang dibekalkan tiada sebesar dahulu lagi,” kata beliau lagi.

Timbalan Perdana Menteri memberitahu ia kemungkinan ada kebenarannya dari segi persaingan berdasarkan sistem meritokrasi dalam sistem penawaran atau perolehan kerajaan, namun ia sesuatu yang boleh diperbetulkan.

Dalam pada itu Bernama Online melaporkan, fungsi Gabem yang akan diteruskan dan diperkukuh untuk menjadi peneraju dan pemantau prestasi ekonomi Bumiputera, adalah antara 25 resolusi yang dicapai pada konvensyen kali ini.

Muhyiddin berkata resolusi itu mencakupi hampir keseluruhan perkara penting untuk masa depan ekonomi Bumiputera.

"Saya yakin dan percaya anggota masyarakat ekonomi Bumiputera yang hadir pada konvensyen ini telah mengambil bahagian secara aktif dalam memberikan pandangan, nasihat dan input positif bagi menghasilkan resolusi yang terbaik ke arah pembangunan keusahawanan dan kemajuan ekonomi Bumiputera," katanya.

Pengerusi Gabem Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, yang membentangkan resolusi ini berkata Gabem akan menjadi saluran utama bagi penyelarasan, pembangunan dan bimbingan kepada semua badan ekonomi dan usahawan Melayu atau Bumiputera.

"Bagi melaksanakan fungsi itu dengan berkesan, satu mekanisma penyelidikan dan pembangunan yang berwibawa akan ditubuhkan di bawah GABEM," katanya.

Rahim berkata Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) akan turut dipastikan mampu melaksanakan dengan segera semua program yang dirancang bagi mencapai agendanya membantu Bumiputera.

Dari segi pentadbiran, beliau berkata wakil Teraju di setiap negeri perlu diwujudkan bagi memudahkan segala urusan, khususnya bagi syarikat kecil dan sederhana.

Antara yang disentuh dalam resolusi kali ini ialah perlunya syarikat berkaitan kerajaan (GLC) melakukan transformasi yang ketara bersama-sama Teraju dalam usaha membantu orang Melayu dan Bumiputera.

"GLC juga seharusnya mempunyai prosedur dalam pemberian tender bagi memastikan syarikat Melayu mendapat peluang yang sewajarnya," katanya.

Beliau berkata GLC juga perlu mengelak dari daripada bersaing dengan syarikat Melayu dan Bumiputera sedia ada, namun berusaha meneroka pasaran di luar negara.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/muhyiddin-putrajaya-tidak-abai-agenda-kepentingan-bumiputera/>